

07 NOV 1997

Razaleigh-BN

HANYA BN BERJAYA LAKSANA PERKONGSIAN PINTAR ANTARA KAUM

NIBONG TEBAL, 7 Nov (Bernama) -- Bekas Presiden Semangat Melayu 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah berkata hanya Barisan Nasional (BN) yang berjaya melaksanakan konsep perkongsian pintar antara pelbagai kaum di negara ini dengan berkesan.

Beliau berkata, tiada parti lain yang dapat mewujudkan perpaduan kaum yang lebih mantap daripada BN dan konsep itu jugalah yang memastikan pembangunan rakyat dan negara selama ini terus pesat.

Tengku Razaleigh berkata keutuhan BN yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad sudah terbukti dan sebab itu tiada parti lain yang dapat menandinginya setakat ini.

Ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sungai Bakap di sini, Tengku Razaleigh yang telah menyertai semula Umno itu mengakui bahawa parti yang cuba ditegakkannya dahulu terpaksa berkubur kerana tidak dapat menerapkan perpaduan kaum dalam perjuangannya.

"Saya cuba tiru konsep perkongsian pintar BN ketika saya tubuhkan S46 dulu dengan mengajak PAS dan DAP bergabung bersama tetapi parti itu gagal kerana kedua-duanya enggan bekerjasama," katanya.

Sehubungan itu beliau menyeru rakyat meneruskan sokongan kepada BN yang telah dapat menggarap dengan baik percubaan menggabungkan semua kaum yang dibuat Tunku Abdul Rahman di bawah Parti Perikatan dahulu.

Razaleigh berkata, rakyat patut menyokong kepimpinan negara yang ada kerana melalui kesinambungan kepimpinan program pembangunan dapat berjalan dengan lancar.

Beliau meminta penduduk Sungai Bakap mengetepikan percubaan calon bebas, Abu Harith Ahmad, yang juga bekas anggota S46 kerana beliau berjuang tanpa parti dan bersendirian.

"Saya yang ramai penyokong pun tidak mampu menentang perpaduan BN, inikan pula Harith secara berseorangan," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar dan Pengarah pilihan raya kecil Sungai Bakap, Dr Goh Cheng Teik. -- BERNAMA

ZU NMO